



"MUDAH, CEPAT, BERKESAN"

BILANGAN 02/2020 | EDARAN PERCUMA: JULAI-DISEMEBER 2020

# 01 JOHAN KATEGORI BANGUNAN (KERAJAAN/SWASTA) DAN KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Majlis Daerah Batu Gajah kerana telah dinobatkan sebagai Johan bagi dua kategori yang dipertandingkan.



# 02 CABUTAN BERTUAH CEKAI TAKSIRAN (MEGA BONANZA) 2020 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Tahniah kepada para pemenang cabutan premium dan kami menghargai komitmen semua pembayar cukai di kawasan pentadbiran Majlis secara konsisten.

[www.mdbg.gov.my](http://www.mdbg.gov.my)



Yang Dipertua, Mohamad Razif bin Ramli, AMP bergambar kenangan bersama para pemenang.

# SEKITARAN MDBG

pentadbiran@mdbg.gov.my

05-363 2020

Majlis Daerah Batu Gajah  
Jalan Haji Abdul Wahab,  
31000 Batu Gajah,  
Perak Darul Ridzuan.

# SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI,AMP.

KETUA EDITOR

SHAHIRI BIN TAN

PENOLONG KETUA EDITOR

MAKHLIS BINOTHMAN

SIDANG EDITOR

MOHAMAD SHAH RIDLA BIN MOHD ISMET  
AZLENA BINTI AMINUDDIN  
NORLIA BINTI ANNUAR  
NUR INTAN BINTI ZAHARI  
NOR HAZAHAYANI BINTI MAT ZAIN

REKA BENTUK BRAFIK

FATINHAZWANI BINTI TARMIDZI

FOTOGRAFI

AHMAD KAMARUL ANWAR BIN SULINAN  
SYED JAMIL HASNAN BIN SHEIKH HASSAN

PENERBIT

MAJLIS DAERAH BATUGAJAH  
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,  
31000 BATUGAJAH,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

TELEFON : 05-363 2020  
FAKS : 05-366 5930  
E-MEL : PENTADBIRAN@MDBG.GOV.MY  
FACEBOOK : WWW.FACEBOOK.COM/MDBATUGAJAH

## PERISTIWA

03

LAWATAN PANEL PENILAIAN PERTANDINGAN KECERIAAN BULAN KEBANGSAAN NEGERI PERAK 2020

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KECERIAAN BULAN KEBANGSAAN ANTARA ZON EKSA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN TAHUN 2020

MAJLIS PERASMIAN KEBUN TANAMAN HIJAU EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

MAJLIS JAMUAN TEH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2020

MAJLIS CABUTAN PREMIUM

## ISI KANDUNGAN

09

### LATIHAN

KURSUS PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN

KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP

TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN STOR

KURSUS PEMANTAPAN KEFAHAMAN KEPERLUAN STANDARD ISO 9001 : 2015 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

SESI PEMBELAJARAN ASAS KOMPUTER & APLIKASI INTERNET

BENGKEL MENGENAI PENGURUSAN FAIL BERDASARKAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.3/2007 PANDUAN PENGURUSAN PEJABAT

KURSUS PENGURUSAN BUKU LOG KENDERAAN

PROGRAM TRAINING OF TRAINER (TOT) SUB MODUL DESKRIPSI TUGAS (JD) DALAM SISTEM HRMIS

KURSUS PENGENALAN PERTOLONGAN CEMAS DAN CPR

### AKTIVITI

SESI PERKONGSIAN BERKENaan PLASTIK, KITAR SEMULA & ISU KELESTARIAN DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BIL.1/2020

PROGRAM ECO GREEN MARKET

17

# PERISTIWA

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020



## LAWATAN PANEL PENILAIAN PERTANDINGAN KECERIAAN BULAN KEBANGSAAN NEGERI PERAK 2020

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menerima kunjungan Panel Penilaian Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan Negeri Perak 2020 anjuran Jabatan Penerangan Negeri Perak dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 02 September 2020 yang lalu.

Majlis Daerah Batu Gajah menyahut cabaran Kerajaan Negeri Perak dengan memasuki Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan Negeri Perak 2020 bagi Kategori Bangunan (Kerajaan/Swasta) dan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan

03





Johan : Zon Uranus  
(Unit Pusat Sehenti &  
Unit Korporat & Perhubungan Awam)

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KECERIAAN BULAN KEBANGSAAN ANTARA ZON EKSA SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN TAHUN 2020

Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan Antara Zon EKSA Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2020 telah dianjurkan oleh Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) sebagai satu usaha dan inisiatif bagi menyemai serta menyuburkan semangat patriotik dalam kalangan warga MDBG.

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan tersebut telah berlangsung pada 03 September 2020, bertempat di Ruang Legar Aras 1, MDBG.

Johan telah disandang oleh Zon Uranus (Unit Pusat Sehenti & Unit Korporat & Perhubungan Awam) yang telah memenangi hadiah wang tunai bernilai RM 500.00. Naib Johan dan tempat ketiga masing-masing memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM400.00 dan RM 300.00 ialah Zon Eris (Jabatan Perbadayaan) dan Zon Neptun (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta).

**Tahniah diucapkan!**



Naib Johan: Zon Eris (Jabatan Perbadayaan)



Tempat Ke-3 : Zon Neptun (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta)

# PERISTIWA

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020



## PANDUAN BERKEBUN DI LAMAN

05

- 01 Semai dengan cara yang betul bergantung pada jenis tanaman, sama ada dalam bekas semaian atau terus di batas.
- 02 Apabila anak pokok sudah cukup matang, barulah dilakukan pemindahan, lebih baik pada waktu petang untuk mengurangkan 'kejutan' pada pokok.
- 03 Tentukan tempat yang sesuai untuk menanam pokok. Ada yang perlukan cahaya matahari secara langsung, ada yang perlukan tempat teduh.
- 04 Jika memilih menggunakan pasu, bekas plastik atau polibeg, pastikan saiznya bersesuaian.
- 05 Pemilihan baja dan racun kawalan serangga yang sesuai (jika perlu dan tidak berbahaya). Pastikan ia berjadual.
- 06 Jangan lupa siram air secukupnya.
- 07 Pastikan rumput di kawasan kebun sentiasa terurus. Merumput penting supaya tidak berlaku perebutan nutrien, cahaya, air dan ruang di samping dapat menghapuskan tempat tinggal dan membiaknya perosak tanaman dan penyakit.
- 08 Bila baru bermula dengan sesuatu tanaman, banyakkan membaca (buku/Internet) atau dari pengalaman rakan cara penjagaan tanaman itu.
- 09 Berkebunlah dengan cara berilmu untuk dapatkan hasil yang baik. Jika gagal, cuba lagi, perbaiki kelemahan sebelum ini.





## TANAM SEMULA SAYURAN SISA DAPUR

<b>NANAS</b>	<b>BOK CHOY</b>	<b>BAWANG MERAH</b>	<b>LETTUCE</b>
Rendam daun ke dalam sebuah balang berisi air & biarkan sehingga akarnya kelihatan	Bahagian bawah batang direndam	Bahagian bawah bawang direndam	Ambil bahagian bawah lettuce
Kemudian, pindahkan & tanam pada tanah yang subur seperti biasa	Biarkan sehingga akarnya kelihatan	Biarkan sehingga akarnya kelihatan	Letakkan di dalam air
<b>BAWANG PUTIH</b>	<b>LOBAK MERAH</b>	<b>DAUN BAWANG</b>	<b>HALIA</b>
Gunakan tunas atau keseluruhan	Potong bahagian atas 2 inci dari tunas	Letakkan di dalam sebuah gelas, isikan dengan air, biarkan akarnya terendam	Patahkan seulas halia dari bahagian segar
Isi air hingga menutupi bahagian bawah bawang putih	Rendam di dalam air	Kemudian, pindahkan & tanam pada tanah yang subur	Letakkan dalam tanah dengan tunas menghadap ke bawah

## MAJLIS PERASMIAN KEBUN EKSA MDBG



Bertempat di perkarangan bangunan utama Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) pada 16 Oktober lalu telah berlangsungnya perasmian Kebun EKSA MDBG yang telah disempurnakan oleh Yang Dipertua, Mohamad Razif bin Ramli, AMP.

Majlis perasmian telah dihadiri oleh semua ahli zon EKSA MDBG. Sempena perasmian, telah diadakan penanaman anak pokok (labu, kacang panjang, bendi, terung, kailan, kangkung, dan cili) tanaman hijau.

Kebun Tanaman EKSA MDBG merupakan inisiatif dan usaha Majlis Derah Batu Gajah bertujuan untuk memupuk kesedaran warga MDBG berkenaan pentingnya berbudi kepada tanah.

Selain dapat mengeluarkan peluh untuk menjaga kesihatan diri, bercucuk tanam menjadi terapi yang menenangkan fikiran. Ramai menyedari, menikmati sayur-sayuran segar yang ditanam sendiri sememangnya berbeza kerana ia mendatangkan satu kepuasan yang sukar digambarkan dengan kata-kata.

# PERISTIWA

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020



Yang Dipertua, Mohamad Razif bin Ramli dan Encik Andri Arif menerima kurnian hadiah

07



Bergambar kenangan bersama Pegawai Daerah Kinta, Puan Halizah binti Sipun



daripada baginda Tuanku.



## MAJLIS JAMUAN TEH DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2020

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan mencemar duli hadir ke Majlis Jamuan Teh dan Penyampaian Hadiah Sempena Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Perak Tahun 2020, di Hotel Casuarina@Meru pada 15 September lalu.

Pada Majlis berkenaan, baginda telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan bersempena bulan kebangsaan Tahun 2020 melalui Pertandingan Sayembara Puisi Hari Kebangsaan Negeri Perak 2020; Pertandingan Video Pendek Hari Kebangsaan Negeri Perak 2020 dan Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan Negeri Perak.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) kerana telah dinobatkan sebagai Johan bagi dua kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Bangunan (Kerajaan/Swasta) dan Kategori Pihak Berkuasa Tempatan. Melalui kejayaan ini, MDBG telah membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 7,000.00

# PERISTIWA

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020

## MAJLIS CABUTAN PREMIUM

### CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN (MEGA BONANZA) 2020 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



Yang Dipertua, Mohamad Razif bin Ramli, Ambanggambar kenangan bersama para pemenang.

Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah telah menyempurnakan Majlis Cabutan Premium Cabutan Bertuan Cukai Taksiran (Mega Bonanza) 2020 pada 25 Ogos 2020 selepas Mesyuarat Penuh MDBG Bil. 6/2020 di Bilik Mesyuarat Alamanda.

Pada tahun ini, pembayar cukai taksiran yang membayar cukai taksiran bagi tempoh satu tahun layak memenangi hadiah wang tunai cabutan bertuan iaitu Cabutan Premium Emas, Cabutan Premium Perak dan Cabutan Premium Gangsa.

Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan funggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan undang-undang seperti saman, sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.

Tahniah kepada para pemenang cabutan premium dan kami menghargai komitmen semua pembayar cukai di kawasan pentadbiran Majlis secara konsisten.

09



Yang Dipertua menyerahterahkan mock cheque Cabutan Premium Tempat Pertama (EMAS - RM 3,000.00) kepada Encik Mathialagan a/l Subramaniam yang mewakili bapanya, Encik Subramaniam a/l Kutandy.



Encik Harjaban Singh a/l Bootar Singh memenangi Cabutan Premium Tempat Ketiga PERAK membawa pulang wang tunai berjumlah RM 2,000.00.



Enid Razali bin Idris dan Isteri bergambar kenangan selepas memenangi Cabutan Premium Tempat Kedua PERAK beserta wang tunai RM 2,000.00.



Encik Lee Boon Kwok @ Ng Boon Kwok telah memenangi Cabutan Premium Tempat Ketiga GANGSA membawa pulang wang tunai berjumlah RM 1,000.00.



## MAJLIS DAERAH BATU GAJAH PERBANKAN INTERNET

Pembayaran bil cukai taksiran boleh dijelaskan melalui kaunter-kaunter pejabat pos di dalam negeri Perak. Pembayaran juga boleh dibuat melalui perbankan internet.

# PBTPay



Biller Code: 9951  
Ref-1 : Nombor Akaun  
Ref-2 : Nombor Telefon



### PERTANYAAN:

#### JABATAN PERBENDAHARAAN 05 - 363 2020/2030

MUDAH, CEPAT, BERKESAN

#### APAKAH YANG HARUS DILAKUKAN APABILA INGIN MEMBELI SEBUAH RUMAH / TANAH KOSONG?

Semak dulu dengan Majlis untuk nama yang didaftar dan tunggakan yang masih ada bagi rumah / tanah tersebut untuk mengelakkan anda menyesal di kemudian hari. Seksyen 146, Akta 171 menegaskan bahawa semua kadar (tunggakan) adalah menjadi tanggungjawab pemilik pada masa itu untuk menjelaskannya. Anda dinasihatkan supaya menyemak dahulu pengurusan yang menguruskan urusniaga harta tersebut untuk menentukan tunggakan telah dijelaskan oleh pemilik sebelumnya.

#### JIKA SAYA HANYA SEORANG PENYERAH RUMAH / BANGUNAN TERSEBUT, APA HARUS SAYA LAKUKAN?

Anda boleh mengemukakan bil-bil ini kepada pemilik untuk bayaran segera. Jika pemilik gagal untuk menjelaskan cukai tersebut harta anda di dalam bangunan itu akan dirampas. Oleh itu anda boleh melindunginya dengan membayar sewanya kepada Majlis sehingga tunggakan dijelaskan. Peruntukan Seksyen 151(6) Akta 171, melindungi anda!

#### APA YANG PERLU DILAKUKAN JIKA BIL-BIL TIDAK DITERIMA?

Datang sendiri ke Pejabat Majlis Daerah Batu Gajah untuk mendapatkan bil-bil tuan-tuan / puan-puan. Jangan lupa bawa maklumat-maklumat seperti berikut :

- No. Lot / No.Rumah dan kedudukan harta.
- No. Akaun (Jika ada) atau
- Bawa bil lama untuk rujukan

(Tidak pengecualian denda diberi atas alasan tidak menerima bil cukai taksiran)

#### APAKAH ITU CUKAI TAKSIRAN?

Cukai taksiran adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik dan penghuni pegangan berkadar yang terletak di dalam kawasan bidang kuasa sebuah Majlis seperti;

- Rumah Kediaman
- Bangunan Perniagaan dan Industri
- Tanah / Lot Kosong

#### JIKA ANDA TELAH MENUKAR MILIK / MENJUAL / MEWARISKAN RUMAH / HARTA, APA PERLU ANDA BUAT?

Beritahu kepada Majlis dengan mengisikan Borang I [Seksyen 160 (1)] / Borang J [Seksyen 160 (2)] dan lain yang berkenaan dalam tempoh 3 bulan selepas pindahmilik dilakukan. Jika gagal Pihak Majlis boleh mengambil tindakan mengikut Seksyen 160 (6) Akta 171 yang menyatakan tiap-tiap orang yang tidak memberi sesuatu notis boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada RM 2000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 6 bulan atau denda dan penjara kedua-duanya.

#### KENAPA PERLU MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN?

Kutipan dari cukai taksiran adalah perlu untuk menampung perbelanjaan Majlis dalam;

- Membina dan menyelenggarakan kemudahan awam seperti tandas awam, perhentian bas, padang permainan kanak-kanak, tempat rekreasi, pasar dan lain-lain.
- Kerja-kerja pembersihan kawasan perumahan/ perniagaan, kilang, taman-taman dan tempat-tempat awam.
- Penyediaan dan penyelenggaran infrastruktur seperti jalan, parit dan longkang, lampu jalan dan lain-lain.
- Pembangunan kawasan Majlis Daerah Batu Gajah untuk kesejahteraan penduduk.



#### APAKAH YANG AKAN TERJADI JIKA TIDAK MENJELASKAN CUKAI DALAM TEMPOH TERSEBUT?

Mengikut Akta 171, anda akan dikenakan tindakan seperti berikut :

#### BILA PERLU DIBAYAR?

Cukai Taksiran perlu dibayar 2 kali setahun iaitu :

- ½ tahun pertama : 1hb. Januari hingga 28hb. Februari
- ½ tahun kedua : 1hb. Jul hingga 31hb. Ogos

Cukai taksiran yang dibayar selepas tarikh akhir pembayaran notis berdenda akan dikeluarkan.

- Notis (Borang E) akan dikeluarkan kepada anda. Anda dikehendaki menjelaskan dalam masa 15 hari daripada tarikh notis. Denda sebanyak RM 20.00 untuk jumlah sehingga RM 200.00 dan denda sebanyak RM 30.00 bagi jumlah melebihi RM 200.00 daripada baki tunggakan akan dikenakan kepada anda mengikut Seksyen 147 Akta 171.
- Jika masih gagal, waran tahanan akan dikeluarkan keatas anda. Waran ini membolehkan Majlis merampas barang-barang yang ada di dalam bangunan atau menutup bangunan daripada menjalankan operasian atau melelong bangunan tanah melalui Pendatar Mahkamah Tinggi mengikut Seksyen 151 Akta 171. Bayaran waran akan dikenakan mengikut kadar yang telah ditetapkan iaitu RM 150.00 bagi jumlah sehingga RM 1,000.00 dan RM 300.00 bagi jumlah melebihi RM 1,000.00 mengikut Seksyen 148 Akta 171.

# LATIHAN

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020

## KURSUS PENGURUSAN KENDERAAN JABATAN

Tarikh : 30 Jun – 01 Julai 2020

Tempat : Auditorium Aras 1, MDBG

Oleh : Encik Ahmad Kamarul Anwar bin Sulinan  
Jabatan Khidmat Pengurusan



## KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Tarikh : 02 – 03 Julai 2020

Tempat : Auditorium, Aras 1, MDBG

Oleh : Encik LAr. Ahmad Zamil bin Zakaria  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying,  
Universiti Teknologi Mara



## TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN STOR

Tarikh : 02 Julai 2020

Tempat : Bilik Latihan IT,  
                  Bahagian Teknologi Maklumat  
Oleh : Cik Chua Ge Li  
                  Jabatan Khidmat Pengurusan



## KURSUS PEMANTAPAN KEFAHAMAN KEPERLUAN STANDARD ISO 9001 : 2015 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Seramai 39 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Batu Gajah telah menghadiri kursus yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula 10 hingga 12 Ogos bertempat di Pangkor Coral Bay Resort, Pulau Pangkor.

Pemudahcara adalah Encik Md. Jaafar bin Md. Jani daripada daripada EMJAY Training and Consultancy.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan secara komprehensif mengenai amalan dan pengetahuan berhubung Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 selain memberi pendedahan terhadap keperluan audit terbaharu termasuk prosedur audit dalam dan proses dalam Sistem Pengurusan Kualiti.

Selain daripada itu, kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai peranan dan komitmen wakil pengurusan supaya Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.



## SESI PEMBELAJARAN ASAS KOMPUTER & APLIKASI INTERNET

Tarikh : 06-20 Julai 2020  
Tempat : Bilik Latihan IT,  
            Bahagian Teknologi Maklumat  
Oleh : Encik Mohamad Jefrie bin Zulkifli,  
        Juruteknik Komputer FT19



Asas teknologi maklumat dan komunikasi dilakukan bertujuan untuk sesi pembelajaran pengenalan komputer dan aplikasi internet kepada peserta. Ia dapat membantu peserta mengenali aplikasi dan cara penggunaan komputer dengan cermat dan bijak.

# LATIHAN

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020

## BENGKEL MENGENAI PENGURUSAN FAIL BERDASARKAN PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.3/2007 PANDUAN PENGURUSAN PEJABAT

Tarikh : 19 Ogos 2020  
Tempat : Auditorium Aras 1, MDBG  
Oleh : Encik Makhlis bin Othman  
Penolong Pegawai Tadbir N36  
Jabatan Khidmat Pengurusan



## PROGRAM TRAINING OF TRAINER (TOT) SUB MODUL DESKRIPSI TUGAS (JD) DALAM SISTEM HRMIS

Tarikh : 17 September 2020  
Tempat : Bilik Latihan IT,  
            Bahagian Teknologi Maklumat  
Oleh : Encik Fizairi bin Razali  
        Encik Muhamad Zaim bin Muji  
        Bahagian Pembangunan  
        Sumber Manusia  
        Pejabat Setiausaha  
        Kerajaan Negeri Perak

## KURSUS PENGURUSAN BUKU LOG KENDERAAN

Tarikh : 10,11,17, & 18 September 2020  
Tempat: Bilik Latihan IT,  
            Bahagian Teknologi Maklumat  
Oleh : Encik Ahmad Kamarul  
        Anwar bin Sulinan  
        Jabatan Khidmat Pengurusan



13

# KURSUS PENGENALAN PERTOLONGAN CEMAS DAN CPR

Tarikh : 17 September 2020

Tempat: Dewan Bandaran Kinta,  
Batu Gajah

Oleh : Encik Azlan bin Busu  
Encik Mad Subhi bin Ahmad  
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

Malang tidak berbau dan boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja - baik di pejabat, kawasan pengilangan, di jalan raya dan di rumah. Maka wujudlah keperluan untuk warga kerja bersedia untuk memberi pertolongan cemas kepada mangsa kemalangan.

Kursus satu (1) hari ini telah dirumus khas untuk memberikan pengetahuan asas kepada kakitangan Majlis Daerah Batu Gajah mengenai peringkat-peringkat tindakan awal Pertolongan Cemas kepada mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan sebelum ketibaan pasukan perubatan.

Objektif Kursus:

Setelah menghadiri kursus, peserta-peserta akan dapat:

- i. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan peserta mengenai pentingnya tatacara dan peranan pertolongan cemas.
- ii. Menentukan tindakan yang betul dalam memberi rawatan kecemasan jika berlaku kemalangan. Memberi bantuan kecemasan dengan yakin dan berkesan
- iii. Memenuhi keperluan occupational safety and health act 1994.
- iv. Menyedari bagaimana ilmu dan kemahiran pertolongan cemas dapat membantu mangsa yang tercedera
- v. Mempelajari cara mengangkat dan menghantar pesakit menggunakan stretcher
- vi. Menggunakan kaedah pertolongan cemas cpr
- vii. Menggunakan dengan betul kaedah emergency first aid untuk kecederaan seperti luka, pendarahan, melecur, terbakar, patah dan terseliuh
- viii. Mendapat nasihat pakar bagaimana untuk meningkatkan khidmat pertolongan cemas dalam organisasi



# AKTIVITI

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020



## SESI PERKONGSIAN BERKENAAN PLASTIK, KITAR SEMULA & ISU KELESTARIAN DENGAN KERJASAMA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan Sesi Perkongsian berkenaan plastik, kitar semula & isu kelestarian pada 08 September 2020 bertempat di Auditorium Aras 1, MDBG.

Sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Ir. Dr. Nor Yuliana Yuhana, Pensyarah Universiti Jabatan Kejuruteraan Kimia & Proses, UKM Bangi



### PLASTIK ANCAMAN SERIUS KEPADA ALAM SEKITAR



**300 JUTA**  
tan sisa pepejal setiap tahun



**13.2%**  
dari padanya adalah sisa plastik, berbanding jumlah ini



**1,050 TAN**  
Beg plastik dinasarkan dalam sehari

Kajian Komposisi Sisa Pepejal yang dilaksanakan oleh KPKT sisa plastik menyumbang sebanyak **13.2%** daripada keseluruhan perlombaan sisa di Malaysia pada tahun 2017 dan daripada jumlah sisa plastik tersebut, **29.2%** adalah terdiri daripada jenis **Polyethylene (LDPE)** iaitu komponen utama bagi pembuatan beg plastik.



Plastik mengambil masa **100-500 tahun** untuk lulus secara semulajadi



Ini menyebabkan plastik sering dianggap sebagai makanan oleh haiwan ternakan dan ikan.



Sekiranya dibuang merata-rata ia berpotensi halang ariran air terutamanya di dalam longkang dan menyebabkan banjir klat berlaku.

Sumber : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

15

# KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BIL.1/2020



Nama Kursus	:	KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BIL.1/2020
Tarikh	:	7 & 8 Ogos 2020
Tempat	:	Virgo Batik Resort & Spa, Teluk Batik
Fasilitator	:	Encik Mohamad Sharil bin Salihan Pegawai Tadbir, Majlis Perbandaran Manjung
Objektif	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Membentuk dan meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.</li><li>2. Mengeratkan hubungan ukhuwah antara warga Majlis Daerah Batu Gajah yang terdiri daripada latar belakang sosiobudaya yang berbeza.</li></ol>
Aktiviti	:	Di antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) termasuk Sesi Taaruf, Sesi Group Binding dan Sesi pertandingan dalam kumpulan bagi mencapai objektif program.
Kumpulan Sasar	:	Pembantu Awam H11
Bilangan Peserta	:	40 orang

Menerusi penganjuran program ini, diharapkan agar para peserta program akan saling membantu antara satu sama lain, berpegang dengan etika dan yakin sesuatu perkara yang besar akan dapat diselesaikan sekiranya kerja berpasukan (team work) dipegang.



# AKTIVITI

SEKITARAN MDBG BIL.2/2020



## PROGRAM ECO GREEN MARKET

Telah berlangsungnya Program ECO Green Market pada 23 Ogos 2020 (Ahad) bertempat di Pasar Awam, Batu Gajah. Acara yang bermula seawal 8.00 pagi itu telah disempurnakan perasmianya oleh YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohamed Radzi, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pelancongan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Antara pengisian program pada hari tersebut ialah Penyampaian Sijil Penghargaan kepada komuniti melibatkan Pembersihan awam, Rakan Taman dan CSR - Murata Electronics (M) Sdn. Bhd. YB Dato' Nolee Ashilin turut menyertai Walkabout di kawasan sekitar pasar dan menyempurnakan simbolik perasmian sebelum berlangsungnya sidang media. Beliau turut meluangkan masa melawat kaunter pameran dan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program berlangsung.

Pelbagai medium telah disediakan sebagai langkah pendedahan dan pendidikan kepada pengunjung yang hadir antaranya Taklimat Perubahan Iklim & Alam Sekitar, Bengkel Kraftangan Produk Kitar Semula, Eco Green Market (pertukaran barang kitar semula dengan barang keperluan), Murata Electronics (M) Sdn. Bhd. Pameran Kerjaya & Inovasi Hijau, Teknik Pembuatan Baja Kompos oleh Majlis Daerah Kampar serta Gotong-royong (kebersihan & keceriaan).



# Reuse



- & -



# Recycle



## SEKITARAN MDBG

Terbitan:



Majlis Daerah Batu Gajah  
Jalan Haji Abdul Wahab,  
31000 Batu Gajah,  
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-363 2020  
Faks: 05-366 5930  
E-mel: [pentadbiran@mdbg.gov.my](mailto:pentadbiran@mdbg.gov.my)

[www.facebook.com/mdbatugajah](https://www.facebook.com/mdbatugajah)

[www.mdbg.gov.my](http://www.mdbg.gov.my)